

e-Lingua 1/2025

JANUARY 2025

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN PULAU PINANG KAMPUS BERTAMBAH
<http://www.uitm.edu.my>



Academy of Language Studies
UiTM Cawangan Pulau Pinang



Table of contents



<u>From the Editorial Team</u>	3
<u>Department News & Reports</u>	4
<u>Club News & Report</u>	27
<u>Self-Love First</u>	39
<u>Travelling</u>	46
<u>Home Garden</u>	58
<u>Teaching & Learning</u>	64
<u>Lecturer's Contribution</u>	68
<u>Creative Writing</u>	81
<u>The Team</u>	90



Pada 2 Oktober 2024, sebuah program intensif bertajuk 'Crafting Industrial Grants for Social Sciences: An Intensive Workshop' telah dianjurkan oleh Akademi Pengajian Bahasa (APB). Program ini bertujuan untuk memberikan bimbingan dan strategi terkini kepada penyelidik-penyelidik Akademi Pengajian Bahasa dalam bidang sains sosial bagi mendapatkan geran-geran industri yang berkaitan, termasuk dari institusi kewangan seperti bank, kerajaan negeri, dan sektor korporat yang lain, bagi memperkukuh usaha penyelidikan yang berimpak tinggi serta menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara.

Program ini diketuai oleh jawatankuasa yang terdiri daripada individu berpengalaman dalam bidang masing-masing. Profesor Madya Dr. Hajjah Rofiza Aboo Bakar bertindak sebagai Pengarah Program dan juga Penceramah, memastikan segala perancangan dan pelaksanaan berjalan lancar sambil berkongsi cara-cara menulis serta memohon geran industri. Beliau dibantu oleh Puan Fasyin Diana Mohamad Fadzil selaku Timbalan Pengarah, dan bersama-sama mereka berjaya mengatur serta menyusun program yang berfokus kepada keperluan para penyelidik.



 18

Peranan Setiausaha dipegang oleh Puan Ku Aimi Arissya /Ku Ruslin, yang menguruskan segala aspek dokumentasi dan penyelarasan, manakala tugas kewangan dipantau rapi oleh Dr. Nur Ilialis Adnan sebagai Bendahari. Selain daripada itu, Dr. Nur Husna Serip Mohamad, selaku AJK Tugas-tugas Khas, memainkan peranan penting dalam menguruskan keperluan tambahan dan memastikan setiap peserta mendapat pengalaman yang optimum semasa menyertai program ini.

Antara tajuk dan draf geran industri yang telah dihasilkan oleh staf APB termasuklah beberapa projek menarik yang mencerminkan keperluan pelbagai sektor. Salah satu projek yang diusulkan ialah 'Implementing CEFR-aligned Speaking Intervention Programme 'EchoVerse' Among SMK Penanti Students', yang bertujuan meningkatkan kemahiran bertutur dalam kalangan pelajar berdasarkan kerangka CEFR. Selain itu, projek bertajuk 'Memperkenalkan Budaya Malaysia kepada Ekspatriat di Pulau Pinang' bertujuan memupuk kefahaman budaya setempat bagi ekspatriat yang tinggal di negeri tersebut.

Terdapat juga inisiatif untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan dalam industri perhotelan melalui geran bertajuk 'Meningkatkan Pengalaman Pelanggan: Bengkel Strategi untuk Memperbaiki Respons Bertulis terhadap Ulasan Pelanggan Hotel-hotel di Pulau Pinang'. Projek ini memberi fokus kepada latihan untuk memperbaiki cara maklum balas bertulis terhadap ulasan pelanggan, selaras dengan usaha mengekalkan reputasi yang positif dalam industri hospitaliti.

Selain daripada itu, projek 'Latihan Sebutan Bahasa Perancis bagi Pekerja Perkhidmatan Kecantikan' dirancang untuk meningkatkan kemahiran bahasa Perancis dalam kalangan pekerja industri kecantikan. Manakala 'Bengkel Bahasa Mandarin untuk Staf MBSB' bertujuan membantu kakitangan Majlis Bandaraya Seberang Perai menguasai Bahasa Mandarin, yang semakin diperlukan dalam hubungan perniagaan. Kesemua geran ini memperlihatkan usaha pensyarah-pensyarah APB dalam mengembangkan pengetahuan bahasa dan komunikasi dalam pelbagai bidang industri di Malaysia.

Program ini diharapkan dapat membantu semua peserta dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka dalam mendapatkan geran-geran industri serta memberi impak kepada bidang sains sosial di Malaysia.